

11 MAY 2000

Mahathir-Reaksi (Korporat)

TOKOH KORPORAT ANGGAP UCAPAN PM MENGENAI MELAYU DAN DEB RELEVAN

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Pengerusi Penerbangan Malaysia Tan Sri Tajudin Ramli berkata ucapan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tentang tiadanya kerjasama penuh daripada orang Melayu untuk menjamin kejayaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), amat relevan dengan keadaan sekarang.

Kejayaan yang dicapai sekarang membuatkan sesetengah orang Melayu menjadi alpa bahawa "kek ekonomi" yang semakin besar ini memerlukan usaha yang lebih untuk dipertingkatkan, katanya kepada pemberita selepas mendengar ucapan Dr Mahathir pada perhimpunan agung Umno ke-54 hari ini.

"Elok sangatlah peringatan ini dibuat pada masa ini, masa kita menghadapi gelombang baru, gelombang globalisasi dan ekonomi pengetahuan (K-Ekonomi) yang memerlukan perubahan paradigma," katanya.

Mengenai dakwaan Dr Mahathir terdapat orang Melayu sendiri yang bosan dengan usaha menjayakan agenda ekonomi Bumiputera, Tajudin berkata mungkin Perdana Menteri merujuk kepada mereka yang telah berjaya, mencapai nikmat DEB dan lupa kepada saudara mara, sahabat dan masyarakat yang kurang bernasib baik.

"Kita mesti ingat ada lagi ahli saudara, rakan-rakan dan masyarakat kita yang memerlukan DEB dipanjangkan dan dimantapkan," tambahnya.

Menyentuh amanat presiden Umno tentang persiapan menghadapi globalisasi, Tajudin berkata Penerbangan Malaysia sendiri telah lama merentasi gelombang ini dengan cara meningkatkan kebolehan pegawai dan kakitangannya.

Beliau memberi contoh, perpindahan 40 juruterbang syarikat penerbangan nasional itu kepada syarikat lain di rantau ini sejak enam bulan lalu membuktikan pengiktirafan yang amat tinggi kepada orang Melayu dan kakitangan syarikatnya.

"Kita tidak harus menekan mereka. Inilah yang dikatakan berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan orang lain. Oleh itu saya tidak merasa kecil hati" katanya.

Akhbar baru-baru ini melaporkan mengenai penghijrahan lima juruterbang pesawat B777 Penerbangan Malaysia, bulan lepas yang menurut sumber juruterbang B777 syarikat penerbangan itu, mereka adalah juruterbang terbaik di dunia.

Mengulas ucapan Perdana Menteri mengenai pembabitan orang Melayu dalam perniagaan secara kecil-kecilan, pengerusi dan ketua pegawai eksekutif KUB Malaysia Bhd Datuk Hassan Harun berkata dunia perniagaan memerlukan peningkatan.

"Pengalaman sahaja tidak mencukupi kerana dunia perniagaan sentiasa memerlukan pembaharuan ilmu. Pendidikan dalam perniagaan pula memakan masa sepanjang hayat," katanya.

Beliau merujuk kepada komen Dr Mahathir bahawa kalau orang Melayu tidak betul-betul "komited" kepada "business", mereka tidak akan dapat menguasai bidang ekonomi tetapi hanya mengurus perniagaan-perniagaan yang mudah.

Menurut Hassan, agenda Melayu belum lagi selesai kerana tidak ramai orang Melayu yang berjaya berniaga secara besar-besaran.

-- BERNAMA

AD SHO/AZZ LAT